

Imuniti kelompok sektor industri

MITI harap MOSTI
dapat sediakan vaksin
secukupnya untuk
PIKAS

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (MITI) berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dapat menyediakan vaksin secukupnya untuk kegunaan Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, menerusi unjuran yang dibuat, pihaknya memerlukan sekurang-kurangnya 600,000 dos vaksin untuk kegunaan pekerja industri dalam sektor pembuatan pada Julai.

Beliau berkata, sebanyak 600,000 dos lagi diperlukan bagi Ogos dan 700,000 dos pada September.

Setakat ini, katanya, pihaknya mendapat kerjasama baik daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan MOSTI



Mohamed Azmin (tengah) semasa mendengar penerangan mengenai PPV PIKAS di d'Tempat Country Club, Sendayan, Seremban pada Sabtu.

bagi memastikan bekalan vaksin tersebut mampu diperolehi seawal Julai.

“Jika kesemua perancangan ini berjalan lancar, kita yakin dapat membina imuniti berkelompok bagi sektor industri pada penghujung September.

“Setakat Jumaat lalu, sebanyak 4,537 majikan sudah membuat permohonan dan mendaftar membabitkan 669,846 pekerja bagi seluruh negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PIKAS di d'Tempat Country Club, Sendayan di sini

pada Sabtu.

d'Tempat Country Club merupakan PPV PIKAS pertama di Negeri Sembilan yang akan mula beroperasi pada 5 Julai ini dengan kapasiti sebanyak 1,500 orang sehari.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, setakat ini sebanyak 49 PPV PIKAS dan 25 kemudahan PPV di kawasan industri telah didirikan di Selangor, Pulau Pinang, Sarawak dan Johor.

PIKAS Covid-19 bertujuan membantu mempercepat vaksinasi khususnya kepada golongan pekerja yang dilancarkan pada 16 Jun lalu.